

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2019**

Tarikh : 27 Mac 2019 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi Bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 3/2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Mac 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Sambutan Hari Wanita Sedunia jatuh pada 8hb Mac pada setiap tahun. Tema hari wanita bagi tahun 2019 adalah **Seimbang Untuk Sejahtera (*Balance For Better*)**, yang merujuk kepada masyarakat yang seimbang iaitu penyertaan dan perwakilan wanita yang lebih baik bukan sahaja di tempat kerja tetapi di dalam semua bidang yang diceburi. Ianya selaras dengan objektif *Sustainable Development Goal* yang kelima iaitu *Gender Equality*.

Pembangunan mampan dan lestari bukan hanya terletak kepada pembangunan fizikal tetapi turut melibatkan agenda kesejahteraan komuniti serta pertumbuhan ekonomi menyeluruh. Semoga dengan perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan, martabat golongan wanita dapat diangkat dan memperoleh lebih banyak ruang inklusif dalam penglibatan pembangunan komuniti, penambahbaikan infrastruktur dan sumbangan kepada ekonomi negara yang lebih holistik.

- v) MPSJ telah menetapkan Bandar Hijau Mesra Wanita MPSJ sebagai salah satu strategi pembangunan di kawasan Subang Jaya. Antara perkara yang diambil kira di dalam teras pembangunan ini adalah keselamatan dan keselesaan pengguna di dalam ruang-ruang awam. Dalam masa yang sama, MPSJ turut mengambil kira golongan yang lain tanpa mengira gender termasuk juga warga emas, kanak-kanak dan OKU. Dalam mencapai matlamat yang ditetapkan untuk strategi ini, MPSJ telah menetapkan projek menambahbaik infrastruktur di pusat perdagangan SS15 dilaksanakan pada tahun ini.

Perancangan bandar mesra wanita turut mengambil kira isu pengangkutan awam, pencahayaan dan struktur di laluan kaki lima. Bandar mesra wanita dilihat relevan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada wanita bekerja termasuk pusat beriadah sejajar dengan gaya hidup sihat.

MPSJ dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan dan pembangunan bagi mencapai sasaran sebagai Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) pertama menjadi bandar mesra wanita di Malaysia.

MPSJ menggunakan 4 strategi dalam pelaksanaan Bandar Hijau Mesra Wanita MPSJ iaitu :

STRATEGI	PROGRAM
Strategi 1 : Gaya Hidup Sihat	<ul style="list-style-type: none">▪ Program kesihatan wanita▪ Program gaya hidup aktif – kempen kesedaran hak wanita▪ Kajian indeks kebahagiaan dan kesejahteraan bandar▪ Program imej sendiri dan personaliti▪ Program membina institusi kekeluargaan▪ Program kesenian dan kebudayaan
Strategi 2 : Peningkatan Sosio Ekonomi	<ul style="list-style-type: none">▪ Program keusahawanan▪ Aplikasi elektronik keusahawanan▪ Latihan pembangunan ekonomi▪ Pusat keusahawanan wanita▪ Kesedaran pengurusan kewangan keluarga
Strategi 3 : Bandar Selamat dan Mudah Capaian	<ul style="list-style-type: none">▪ Projek bandar pintar dan selamat MPSJ▪ Program placemaking di kawasan komersial SS15▪ Laluan pejalan kaki bebas halangan▪ Aplikasi elektronik bandar selamat▪ Pemasangan CCTV di kawasan komersial▪ Kempen keselamatan

STRATEGI	PROGRAM
	<ul style="list-style-type: none">▪ Latihan seni mempertahankan diri
Strategi 4 : Prasarana	<ul style="list-style-type: none">▪ Perancangan pembangunan bandar mesra wanita▪ Prasarana dan kemudahan khas wanita

- vi) Bersempena dengan Hari Landskap Negara 2019 yang disambut pada 3 Mac 2019 di Taman Botani, Putrajaya, Jabatan Landskap Negara telah mengadakan Anugerah Inisiatif Negara Taman.

Sebanyak 2 kategori telah dipertandingkan iaitu Inisiatif Negara Taman Terindah (PBT) dan Landskap Komuniti Negara Taman (Komuniti). MPSJ telah menghantar penyertaan bagi kedua-dua kategori tersebut dan telah berjaya memenangi tempat Ke-2 bagi kategori Landskap Komuniti Negara Taman menerusi penyertaan daripada Kebun Komuniti USJ 14 serta telah menerima hadiah berjumlah RM15,000.00. Sijil dan trofi telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir bin Mohamad. Bagi kategori ini, Jabatan Landskap Negara memberi pengiktirafan kepada komuniti yang proaktif dalam kerja-kerja melandskap keindahan dan penghijauan kawasan kejiranan selari dengan konsep *Community In Bloom*.

Tahniah diucapkan atas pencapaian dan kejayaan tersebut. Semoga dengan pengiktirafan tersebut menyuntik lagi semangat untuk berusaha menjadikan MPSJ antara bandar yang cantik dan

indah sejajar dengan Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 yang kedua iaitu Perancangan Dan Pembangunan Mampan Dan Mesra Alam.

- vii) Pihak Majlis telah mengadakan Sidang Pertama Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) RTSJ2035, yang telah berlangsung pada 11 hingga 12 Mac 2019 dan dipengerusikan oleh YB Puan Haniza Binti Talha, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar. Mesyuarat JKSTP ini telah mendengar sejumlah 82 sesi bantahan penduduk daripada di Blok Perancangan Kinrara (BP4), Puchong (BP5), Bandar Putra Permai (BP6) dan Seri Kembangan (BP7).

Sidang Kedua Mesyuarat JKSTP juga telah diadakan pada 15 Mac 2019 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru. Pada sesi kedua ini, telah mendengar sebanyak 24 sesi bantahan yang melibatkan 72 orang penduduk daripada Blok Perancangan Kinrara (BP4) dan sebahagian daripada Putra Heights (BP3).

Sidang Kedua JKSTP ini akan bersambung untuk mendengar bantahan penduduk pada 28 dan 29 Mac 2019 yang melibatkan 33 sesi bantahan penduduk daripada Blok Perancangan Putra Heights (BP3) dan Subang Hi-Tech (BP2).

Sidang Ketiga JKSTP dijangka akan diadakan pada 16 April 2019 yang dipengerusikan oleh oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, bagi mendengar 45 sesi bantahan penduduk daripada Blok Perancangan Subang Jaya-USJ (BP1).

viii) Taklimat Pangsapuri Dan Kampung Angkat Komuniti Berdaya MPSJ akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 27 Mac 2019 (Rabu)
Masa : 2.30 petang
Lokasi : Dewan Kenanga, MPSJ.

Objektif taklimat ini diadakan adalah bagi:

- Menerangkan tentang Dasar Komuniti Negara
- Memberdayakan komuniti di kawasan strata kos rendah
- Mewujudkan kediaman selamat dan kondusif untuk kehidupan yang lebih bahagia
- Mewujudkan kawasan bebas jenayah dan bebas dari dadah
- Membantu golongan asnaf dan golongan kurang berkemampuan dengan kerjasama agensi-agensi sedia ada

Fokus projek ini adalah kepada 21 pangsapuri dan 3 kampung angkat. Taklimat ini akan melibatkan seramai 24 orang Ahli Majlis, MC/JMB Pangsapuri dan Pegawai Rejuvenasi Komuniti

(PRK) MPSJ, Pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan COB.

- ix) Program Menembak Gagak Peringkat MPSJ akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 30 Mac 2019 (Sabtu)

Masa : 7.00 pagi

Pendaftaran : Laman Kenanga, Ibu pejabat MPSJ.

Program akan bermula pada jam 7.00 pagi iaitu dengan pendaftaran penembak dan saringan awal daripada pihak PDRM termasuk pemeriksaan senjata api dan juga taklimat keselamatan daripada pihak PDRM dan MPSJ.

Kawasan yang akan terlibat adalah seluruh kawasan pentadbiran MPSJ. MPSJ akan membayar sebanyak RM 3.00 bagi setiap ekor gagak yang berjaya ditembak. Dianggarkan 30 orang penembak dijangka turut serta di dalam program ini.

Majlis penutup Program Menembak Gagak Peringkat MPSJ ini akan diadakan pada jam 8.00 malam di Dewan Serbaguna MPSJ SS 15, Subang Jaya.

- x) Sebagai menghargai dan meraikan usaha warga kerja MPSJ sepanjang tahun 2018, MPSJ akan mengadakan Majlis Apresiasi Warga Kerja MPSJ 2018 seperti berikut:

Tarikh : 8 April 2019 (Isnin)
Masa : 1.45 petang – 5.00 petang
Tempat : Vintage Ballroom, Level 5
Holiday Villa Hotel & Conference Centre
Tema : Pakaian Pejabat (Hi-Tea)

Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Semua Ahli Majlis dijemput bersama untuk hadir ke majlis tersebut.

- xi) Konvensyen Generasi Bestari 'Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya MPSJ 2019' akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 16 – 18 April 2019 (Selasa –Khamis)
Masa : 9.00 pagi -5.00 petang
Tempat : Kompleks Membeli-belah The Summit USJ
Persiaran Kewajipan, USJ 1,
47600 Subang Jaya, Selangor

Konvensyen ini merupakan platform bagi pihak MPSJ untuk memberikan pendedahan, taklimat atau demonstrasi serta perkongsian amalan terbaik kepada guru dan pelajar sekolah yang terlibat bagi modul-modul serta aktiviti yang dilakukan di bawah Program Generasi Bestari "Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya ' MPSJ 2019. Terdapat 3 modul dan 11 aktiviti di bawah program ini iaitu:

- **Modul 1: Kesihatan Persekitaran**
 - Pencegahan denggi
 - Penarafan Bintang Tandas
 - Penarafan Kantin
- **Modul 2: Alam Sekitar**
 - Kitar semula
 - Kompos dari kantin
 - Program Minggu Alam Sekitar
 - Kebun Komuniti Sekolah
- **Modul 3: Cintai Perbandaran**
 - Inovasi (*Green Mind Challenge*)
 - Kebudayaan Warisan
 - Bandar Mampan
 - Video PSA (Pesanan Khidmat Masyarakat)

Pelbagai aktiviti akan diadakan seperti majlis pelancaran konvensyen, bengkel, sesi taklimat serta perkongsian ilmu semasa konvensyen berlangsung, pameran MPSJ dan organisasi yang terlibat di dalam konvensyen kali ini.

Konvensyen ini akan melibatkan 74 buah sekolah di pentadbiran MPSJ dan dijangkakan seramai 3,476 peserta akan menyertai konvensyen tersebut dalam tempoh 3 hari konvensyen ini berlangsung.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 02/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2019 yang telah diadakan pada 27 Februari 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.04/2019 Bertarikh 5 Mac 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang
Jaya Bil.05/2019 Bertarikh 20 Mac 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis
Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2019 Bertarikh 6 Mac 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan
Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya
Bil.02/2019 Bertarikh 7 Mac 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.6 & m/s 14	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Memastikan Tahap Kebersihan Premis Makanan Di Kawasan Pentadbiran MPSJ Di Tahap Baik (Kertas Mesyuarat Bil. 12/03/2019)	Beliau mencadangkan supaya perkara ini dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan, memandangkan implikasi terhadap perkara ini adalah berkait dengan pelesenan.
		Encik Koh Eng Kee		Beliau memohon penjelasan lanjut samada penekanan kebersihan ini hanya tertakluk kepada restoran sahaja ataupun termasuk kepada semua gerai-gerai makanan.
		Encik Mohan Singh A/L		Beliau menegaskan supaya tindakan penguatkuasaan diambil sewajarnya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Surtar Singh		<p>berdasarkan undang-undang sediaada.</p> <p>Maklum balas:</p> <p>Mesyuarat memutuskan beberapa perkara seperti berikut:</p> <p>i. Penyediaan perincian Standard Garis Panduan Pembersihan Gerai dan membentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar yang akan datang.</p> <p>ii. Peringkat permulaan akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memfokuskan isu berkaitan pemeriksaan tahap kebersihan restoran akan diberi keutamaan.</p> <p>iii. Perkara-perkara lain seperti binaan struktur haram, pemasangan <i>ekzos fan</i> dan lain-lain yang menyalahi undang-undang perlu diambil tindakan mengikut undang-undang sediaada berdasarkan bidang kuasa jabatan.</p> <p>Tindakan: Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 4.2 (i) & m/s 9	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Taklimat Laporan Prestasi daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	<p>Beliau menyatakan kebimbangan mengenai prestasi kerja oleh pihak KDEB Waste Mangement Sdn. Bhd. yang sentiasa memberi pelbagai alasan dalam melaksanakan pembersihan di kawasan Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>Maklum balas:</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini tertakluk kepada persetujuan bersama semua Ahli Majlis, dimana sekiranya prestasi kerja pihak KDEB Waste Management Sdn. Bhd.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tidak lagi memuaskan, maka satu keputusan perlu dibuat untuk kebaikan bersama. Walau bagaimanapun isu-isu ini hanya berlaku disesetengah kawasan sahaja. Oleh yang demikian, pihak Majlis dengan kerjasama Ahli Majlis kawasan akan berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.</p> <p>Tindakan : Makluman</p>
3.	Para 5.4 & m/s 13	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Minit Mesyuarat Penyelesaian Masalah Sampah Haram di Bandar Bukit Puchong.	Beliau memaklumkan isu sampah haram bukan sahaja berlaku di Bukit Puchong tetapi turut melibatkan beberapa lokasi lain di Puchong. Beliau

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memohon dilaksanakan satu kajian terperinci berkenaan isu sampah haram yang masih belum dapat diselesaikan sehingga kini.</p> <p>Maklum balas: Laporan terperinci mengenai isu masalah sampah haram akan dibentangkan didalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2019 Bertarikh 12 Mac 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2019 Bertarikh 13 Mac 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Status Prestasi Kerja KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	Beliau memohon untuk dimaklumkan tarikh mesyuarat khas yang akan diadakan. Maklum balas: Puan Yang Dipertua memaklumkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>bahawa bagi isu kontraktor taman, satu mesyuarat teknikal bersama pihak-pihak terlibat telah dilaksanakan. Isu-isu dan keperluan telah dimaklumkan kepada kontraktor dan penambahbaikan sedang dilaksanakan ditapak. Walau bagaimanapun sekiranya perkara-perkara tersebut gagal dilaksanakan, maka mesyuarat khas akan diadakan dan Ahli Majlis akan dilibatkan bersama.</p> <p>Manakala, bagi isu status prestasi kerja KDEB Waste</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Management Sdn Bhd, Majlis bersetuju untuk melaksanakan satu lagi mesyuarat khas setelah pemerhatian prestasi selama 3 bulan. Tindakan: Jabatan Landskap / Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2019 bertarikh 14 Mac 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 03/2019 bertarikh 21 Mac 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 USUL ISU PRESTASI KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD. DAN KERJA PEMBERSIHAN TAMAN PERMAINAN

Usul ini disediakan dan dibentangkan oleh Encik Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat memutuskan usul berkaitan isu prestasi KBEB Waste Management Sdn. Bhd. dan kerja pembersihan taman permainan telah dibincangkan semasa pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya sebentar tadi. Keputusan perbincangan tersebut akan dilaksanakan.

Tindakan: Makluman

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Tarikh Disediakan : 29 Mac 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |

11.	Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman	-	"
12.	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	-	"
13.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	"
14.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
15.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
16.	Encik Chia Yew Ken	-	"
17.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
18.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
19.	Encik Wong Yii Seang	-	"
20.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
21.	Puan Ng Seow Chen	-	"
22.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
23.	Encik Koh Eng Kee	-	"

- | | | | |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 24. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim | - | ” |
| 25. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | ” |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

8. Sr. Aida binti Omar MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
14. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
15. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

16. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

17. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

18. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat

19. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

20. Encik Mohamad Asmadi bin Nor Hasim
Penolong Juruaudit Kanan, Unit Audit Dalam

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

2. Puan Hjh Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

3. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

4. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC

5. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

2. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

3. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan